



MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2017

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL 1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2 *Jawab **semua** bahagian*
- 3 ***Bahagian A** mengandungi 20 soalan dan **Bahagian B** mengandungi 20 soalan. Jawab **semua** soalan dalam kertas jawapan pada **halaman 10**.*
- 4 *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

BAHAGIAN A
[20 markah]

1



Terlibat dalam kemalangan yang dahsyat namun masih terselamat.

Contoh di atas merujuk kepada

- A irhas
- B mukjizat
- C maunah
- D karamah

2

- Mengadakan bidaah yang bertentangan dengan akidah
- Mentafsir dan menghuraikan al-Quran sesuka hati
- Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadis

Keterangan di atas merujuk kepada

- A kesan ajaran sesat
- B ciri-ciri ajaran sesat
- C matlamat pengaruh asing
- D bentuk-bentuk pengaruh asing

3

“ Dan bahawa sesungguhnya Allah SWT. akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang berada di dalam kubur.”
– Surah al-Hajj, ayat 7

Maksud ayat al-Quran di atas merujuk kepada

- A alam barzakh
- B perhimpunan di padang Mahsyar
- C mizan
- D meniti sirat

4 Sabda Rasulullah SAW. bermaksud :

“Apabila engkau mengerjakan solat, sempurnakanlah wudukmu, kemudian hadapkanlah ke kiblat, kemudian takbirlah” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maksud hadis diatas adalah berkaitan dengan ciri-ciri kesempurnaan ibadat dalam

- A niat yang ikhlas kerana Allah SWT.
- B memenuhi tuntutan hukum syarak
- C mematuhi peraturan dalam ibadat
- D ihsan semasa melakukan ibadat

5 Rububiyah ialah _____

- A nama Allah SWT. yang indah dan mulia
- B mengakui hanya Allah SWT. yang layak disembah dan ditaati
- C keyakinan di dalam hati bahawa Allah SWT. Maha Esa
- D keyakinan di dalam hati bahawa Allah SWT. Maha Pencipta

6 Gelaran *ulul azmi* diberi kepada rasul tertentu kerana

- A rasul yang paling mulia
- B lama berdakwah kepada umatnya
- C rasul yang diberi wahyu untuk dirinya dan kaumnya
- D mereka tetap bersabar dan tidak berputus asa

7 Pernyataan berikut adalah merupakan hubungan al-Quran dan hadis.

- A Hadis menjelaskan isi kandungan al-Quran
- B Hadis menambahbaik ayat al-Quran
- C Hadis sumber hukum kedua
- D Al-Quran dan hadis wajib diimani

8 Antara berikut adalah contoh amalan syirik **kecuali**

- A menyemah pantai
- B menyembah berhala
- C memuja kubur
- D membaca talkin di kubur.

9 Amalan yang boleh dilakukan untuk memelihara akal ialah

- I. memikirkan zat Allah SWT.
- II. menjauhi arak dan dadah
- III. menghadiri majlis ilmu
- IV. melakukan riadah

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II III dan IV

10 Pilih padanan yang betul bagi kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul.

	KITAB	RASUL
I	Taurat	Nuh a.s
II	Zabur	Daud a.s
III	Injil	Isa a.s
IV	Al-Quran	Ibrahim a.s

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11

Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A khalifah
- B ulama'
- C wali
- D ketua hakim

12 Bagaimanakah cara Islam memelihara keturunan manusia ?

- I. Mewajibkan perkahwinan
- II. Mengharamkan zina
- III. Memilih pasangan yang beragama
- IV. Mengharamkan pergaulan bebas

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

- 13 Antara tanggungjawab suami dalam rumahtangga ialah
- A menjaga harta dengan baik serta menggunakannya dengan bijaksana
 - B membalas jasa ibubapa terutama semasa mereka tua
 - C memberi didikan agama dengan sempurna kepada ahli keluarga
 - D taat kepada ketua keluarga dalam semua perkara yang tidak bertentangan dengan syarak
- 14 Yang manakah antara berikut contoh syariat tanpa ibadat yang memberi kesan buruk ?
- A Meninggalkan bacaan al-Fatihah
 - B Solat untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia
 - C Melakukan perbuatan yang dilarang semasa berpuasa
 - D Berdoa atas kubur yang dianggap keramat.
- 15 Antara yang berikut yang manakah contoh ibadat khusus?
- A Menuntut ilmu
 - B Berzikir
 - C Bekerja
 - D Berniaga

16

	Cara Islam	Cara Konvensional
I	Sumber utama ialah ijtihad	Sumbernya ialah rasional manusia
II	Matlamatnya adalah untuk akhirat	Bersifat keduniaan dan sementara
III	Dapat menambahkan keyakinan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.	Menjauhkan diri daripada rahmat Allah SWT.
IV	Penyelesaian berteraskan nilai-nilai akhlak yang murni.	Lebih berteraskan sentimen dan emosi.

Berdasarkan jadual di atas yang manakah merupakan perbezaan antara penyelesaian masalah secara Islam dengan konvensional ?

- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Pilih jawapan yang betul bagi kesalahan hudud di bawah.

	Kesalahan	Hukuman
A	Zina	Sebat 100 kali jika sudah berkahwin
B	Qazaf	Sebat 40 kali
C	Murtad	Hukum bunuh setelah enggan bertaubat
D	Merompak	Potong tangan di pergelangan tangan

- 18 Berikut adalah punca berlaku masalah perpecahan umat **kecuali**
- A lemah dalam pengurusan sains dan teknologi
 - B masyarakat leka dengan kemewahan hidup
 - C tiada kesedaran untuk mempertahankan Islam dan umat Islam
 - D pentingkan diri sendiri dan bersikap tamak
- 19 Keistimewaan negara Islam ialah
- I. menegakkan keadilan
 - II. hak kebebasan mengikut tempat
 - III. mendapat keampunan Allah SWT.
 - IV. kehidupan aman dan harmoni
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 20 Apakah kesan kepada individu apabila alam ini rosak?
- A Banjir kilat
 - B Mudah dijangkiti penyakit
 - C Kemarau berpanjangan
 - D Lapisan ozon menjadi nipis

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

Dhabit	Riak	Ar-Rahman
Sanad	Sum'ah	Mukallaf

21. Sifat Allah SWT yang Maha Pemurah.
22. Perawi yang menyampaikan hadis.
23. Menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain supaya mendapat pujian dan sanjungan masyarakat.
24. Orang Islam yang telah akil baligh atau cukup umur dan diwajibkan mematuhi segala hukum Islam.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan

wahyu	suami	kadi
bermastautin	bermukim	thiqah

25. Fasakh ialah pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi.
26. ialah orang yang tinggal di sesuatu tempat untuk sementara waktu sahaja.
27. Akal tanpa tidak akan dapat memikirkan perkara ghaib.
28. Hadis sahih ialah hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW. dan diriwayatkan oleh perawi yang dhabit dan

Soalan 29 dan Soalan 30

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

al-Musyarakah	al-Bai' bithaman ajil	al-Wadiah	al-Ijarah
---------------	-----------------------	-----------	-----------

Jenis muamalat	Pengertian	Contoh
P	Satu perjanjian yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat daripada milik orang lain	Seorang peniaga menyewa sebuah kedai untuk menjalankan perniagaan.
Q	Kontrak jual beli untuk membeli barangan dengan bayaran secara tertangguh	Ahmad membeli kereta dengan harga RM60,000.00 termasuk keuntungannya dan bayaran bulanan diansurkan selama 60 bulan

Jadual di atas merujuk kepada pengertian

29. **P** : _____

30. **Q** : _____

Soalan 31 dan Soalan 32

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.


Wajib	Sunat	Harus	Makruh
-------	-------	-------	--------

Hukum	Contoh
R	Berpakaian menutup aurat
S	Berpakaian kotor dan badan berbau busuk dalam solat

31. **R** ialah hukum _____


32. **S** ialah hukum _____

Soalan 33 dan Soalan 34 berdasarkan *Carta A* dan *Carta B*

CARTA A

33. **T** ialah : _____

34. **U** ialah : _____

CARTA B

Berdasarkan **Carta B** di atas

35. Jenis kesalahan **V** ialah : _____

36. Jenis kesalahan **W** ialah : _____

Soalan 37 dan Soalan 38

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

37. Allah SWT. menetapkan hukum harus supaya umat Islam sentiasa bersedekah.
38. Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT. kepada umat manusia sahaja.
39. Sistem muamalah Islam akan memperkasakan ekonomi sesebuah negara.
40. Akal tanpa wahyu tidak akan dapat memikirkan perkara ghaib.

KERTAS SOALAN TAMAT

NAMA : _____ TINGKATAN _____

**KERTAS JAWAPAN TASAWWUR ISLAM KERTAS 1
TINGKATAN 5 (MODUL 1)**

- | | | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-------|
| 1. | =A= | =B= | =C= | =D= | 21. | _____ |
| 2. | =A= | =B= | =C= | =D= | 22. | _____ |
| 3. | =A= | =B= | =C= | =D= | 23. | _____ |
| 4. | =A= | =B= | =C= | =D= | 24. | _____ |
| 5. | =A= | =B= | =C= | =D= | 25. | _____ |
| 6. | =A= | =B= | =C= | =D= | 26. | _____ |
| 7. | =A= | =B= | =C= | =D= | 27. | _____ |
| 8. | =A= | =B= | =C= | =D= | 28. | _____ |
| 9. | =A= | =B= | =C= | =D= | 29. | _____ |
| 10. | =A= | =B= | =C= | =D= | 30. | _____ |
| 11. | =A= | =B= | =C= | =D= | 31. | _____ |
| 12. | =A= | =B= | =C= | =D= | 32. | _____ |
| 13. | =A= | =B= | =C= | =D= | 33. | _____ |
| 14. | =A= | =B= | =C= | =D= | 34. | _____ |
| 15. | =A= | =B= | =C= | =D= | 35. | _____ |
| 16. | =A= | =B= | =C= | =D= | 36. | _____ |
| 17. | =A= | =B= | =C= | =D= | 37. | _____ |
| 18. | =A= | =B= | =C= | =D= | 38. | _____ |
| 19. | =A= | =B= | =C= | =D= | 39. | _____ |
| 20. | =A= | =B= | =C= | =D= | 40. | _____ |

